

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

PLG 295 - Pengantar Kaedah Mengajar Mata Pelajaran
Ilmu Kemanusiaan

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan semuanya. Soalan 1 Bahagian A adalah soalan WAJIB. Tiap-tiap jawapan (soalan) hendaklah dijawab dalam helaian kertas yang baru.

Bahagian A: (Jawab semua soalan).

1. Bincangkan dengan ringkas tajuk-tajuk di bawah ini dan perlihatkan kaitan tiap-tiap tajuk kepada keberkesanan pengajaran mata pelajaran Ilmu Kemanusiaan.
 - a) Kemahiran asas pengajaran.
 - b) Tanggungjawab asas dalam pengajaran.
 - c) Motivasi/dorongan dalam pengajaran.
 - d) Ciri-ciri guru bagi melaksanakan pengajaran yang berkesan
 - e) Konsep Bersepadu.

(40 markah)

Bahagian B : (Jawab TIGA [3] soalan sahaja)

2. Kesesuaian kaedah adalah penting bagi kejayaan sesuatu pengajaran. Bincangkan perkara-perkara yang mempengaruhi pemilihan sesuatu kaedah.

(20 markah)

3. Kaedah perbincangan dapat membantu murid "menyelesaikan masalah, menyuarakan pendapat, mengetahui apa orang lain fikir, menilai sesuatu pendapat dan untuk mendapatkan perasaan diterima dan dikehendaki (Stanford and Stanford 1969)".

Bincangkan kebenaran kenyataan di atas.

(20 markah)

...2/-

- 2 -

4. "Kaedah kuliah ialah kaedah yang membawa konsep memenuhi bekas kosong".

Huraikan konsep tersebut di atas dengan memilih satu tajuk pelajaran mata pelajaran pilihan anda.

(20 markah)

5. Bincangkan bagaimana Kaedah Projek dapat memberikan pengalaman yang berguna kepada pelajar-pelajar dalam proses pendidikan formal di sekolah.

(20 markah)

6. Anda diminta mengajar tajuk ini: "Perusahaan-perusahaan utama di Malaysia"

i) Sediakan satu rancangan pelajaran.

ii) Nyatakan kaedah dan beri sebab-sebab mengapa anda memilihnya.

(20 markah)

- oooOooo -